

Belian terhadap emas meningkat

BENGALURU: Harga emas melonjak dalam sesi dagangan semalam didorong minat belian berikutan berita rancangan Barat untuk mengharamkan secara rasmi import logam itu dari Russia berikutan pencerobohannya ke atas Ukraine.

Emas spot naik 0.5 peratus kepada AS\$1,835.58 (RM8,085.72) saun. Niaga hadapan emas di Amerika Syarikat (AS) meningkat 0.3 peratus kepada AS\$1,836.30 (RM8,088.90).

Harga minyak pula terus meningkat semalam, apabila pelabur berhati-hati terhadap sebarang tindakan ke atas eksport minyak dan gas Russia oleh pemimpin negara G7 yang bermesyuarat di Jerman.

Niaga hadapan minyak mentah Brent naik 22 sen, atau 0.2 peratus kepada AS\$113.34 (RM499.26) setong selepas melantun semula 2.8 peratus pada Jumaat lalu. Minyak mentah AS West Texas Intermediate berada pada AS\$107.73 (RM474.55) setong, naik 11 sen, atau 0.1 peratus, berikutan kenaikan 3.2 peratus pada sesi sebelumnya.



LARANGAN import emas Russia oleh Barat, mendorong kenaikan harga logam itu di pasaran. - GAMBAR HIASAN

Pemimpin G7, yang mula bermesyuarat pada Ahad di Jerman, dijangka membincangkan pilihan untuk menangani kenaikan harga tenaga dan menggantikan import minyak dan gas Russia, serta sekatan selanjutnya yang tidak memburukkan lagi inflasi.

Empat negara anggota G7 sebelum ini bertindak meng-

haramkan import emas Russia pada Ahad untuk mengetatkan sekatan ke atas Moscow dan memotong cara membiayai pencerobohan Ukraine.

Penganalisis kanan di OANDA, Jeffrey Halley berkata, larangan import oleh negara G7 ke atas emas Russia telah memberikan beberapa sokongan jangka pendek dalam sesi da-

gangan awal di Asia.

"Bagaimanapun, ia kebanyakannya merupakan latihan dalam realiti untuk kumpulan itu, dan saya tidak menjangka ia menandakan perubahan struktur dalam prospek penawaran atau permintaan yang akan menyokong harga," katanya dalam satu nota.

Emas dilihat sebagai lindung nilai terhadap inflasi, tetapi kadar faedah yang lebih tinggi meningkatkan kos peluang untuk memegang jongsong itu.

"Secara keseluruhannya, emas kekal 'terperangkap' di tengah-tengah julat antara AS\$1,780 hingga AS\$1,880 sejak awal Mei, dan kita memerlukan pergerakan yang besar oleh dolar AS untuk mengubah dinamik itu," kata Halley.

Sementara itu, *Reuters* melaporkan, dolar mendapat sokongan daripada pelabur yang bimbang tentang kemelesetan dengan mengekalkan pegangan terhadap mata wang berkenaan, untuk kekal di bawah paras tertinggi dua dekad semalam.

- AGENSI